A

Saleh bin Amer lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-05(M)-349–12 TAHUN 2015
MOHTARUDIN BAKI, TENGKU MAIMUN DAN ABDUL KARIM HHMR
28 JULAI 2016

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Si mati meninggal dunia akibat kecederaan yang diakibatkan oleh tertuduh — Mata si mati ditusuk kayu snuker yang dibaling oleh tertuduh — Sama ada pembelaan tertuduh membangkitkan keraguan munasabah — Sama ada
D *keterangan alibi oleh saksi pembelaan menyokong pembelaan — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah — Kanun Keseksaan*

Perayu dituduh di bawah s 300(d) Kanun Keseksaan kerana membunuh
E seorang pekerja pusat snuker. Perayu telah memeras ugut si mati tetapi si mati enggan memberikan wang. Ini menyebabkan perayu mengamuk dan mengambil sebatang kayu snuker dan melemparkannya ke arah si mati. Kayu snuker itu terkena bahagian mata kiri dan menembusi kepala si mati. Seorang pelanggan pusat snuker tersebut ('SP4') merupakan saksi mata yang
F mengesahkan kejadian tersebut. Melalui kawad cam dan juga di mahkamah, SP4 mengecam perayu sebagai orang yang mengamuk dan melemparkan kayu snuker ke arah si mati. Imej-imej CCTV yang ditayangkan di mahkamah juga menyokong keterangan SP4. Walau bagaimanapun, hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen niat.
G Beliau meminda pertuduhan kepada suatu kesalahan di bawah s 304(b) Kanun Keseksaan iaitu homisid salah yang tidak terjumlah kepada satu kesalahan membunuh. Perayu mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut lalu dijatuhkan hukuman penjara enam tahun. Pendakwa raya tidak berpuas hati dan memfailkan rayuan ke mahkamah ini. Mahkamah membenarkan rayuan
H pendakwa raya dan perayu diperintahkan membela diri di hadapan hakim bicara yang sama atas pertuduhan asal. Perayu menafikan bahawa dia yang menyebabkan kematian si mati dan menyatakan bahawa dia tidak berada di tempat kejadian pada hari kejadian. Perayu mengemukakan ibunya sebagai saksi ('SD2'). Dalam pemeriksaan utama, SD2 hanya mengesahkan
I keterangan perayu tetapi apabila disoal balas, keterangan SD2 bercanggah dengan keterangan perayu. Percanggahan ketara adalah apabila SD2 menyatakan bahawa perayu suka bermain snuker dengan kawan-kawannya pusat snuker tersebut dan perayu juga ada menyimpan kayu snuker di rumah. Hakim bicara memutuskan bahawa pembelaan perayu gagal menimbulkan

keraguan munasabah atas kes pendakwaan. Pihak pendakwaan sebaliknya berjaya membuktikan pertuduhan terhadap perayu melampaui keraguan munasabah. Perayu disabitkan dengan pertuduhan membunuh dan dijatuhkan hukuman mati di bawah s 302 Kanun Keseksaan. Oleh itu timbul rayuan ini terhadap sabitan dan hukuman atas alasan salah arah oleh hakim bicara di akhir kes; dan penilaian yang salah terhadap pembelaan perayu.

Diputuskan, menolak rayuan perayu; mengesahkan sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi:

(1) Perayu diarahkan memasukkan pembelaan bagi pertuduhan asal oleh mahkamah ini. Prinsip undang-undang adalah mantap bahawa apabila mahkamah ini memerintahkan hakim bicara untuk memanggil perayu membela diri, kesannya adalah seolah-olah hakim bicara sendiri yang memutuskan di akhir kes pendakwaan untuk memanggil perayu membela diri atas pertuduhan asal. Apa-apa dapatan hakim bicara yang membawa kepada pertuduhan asal dipinda kepada pertuduhan di bawah s 304(b) tidak lagi terpakai kerana dapatan itu telah ditolak atau disanggah secara nyata atau tersirat oleh mahkamah ini. Dalam keadaan itu, tiada apa-apa salah arah oleh hakim bicara (lihat perenggan 27–28).

(2) Tiada apa-apa kekhilafan di pihak hakim bicara apabila mengambil pendekatan bahawa di akhir kes pembelaan, keterangan saksi-saksi pembelaan hendaklah diteliti bersama kes prima facie pihak pendakwaan dan bahawa di akhir kes pembelaan, perayu mempunyai beban pembuktian untuk membuktikan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Pendekatan ini sesuai dengan peruntukan s 182A Kanun Tatacara Jenayah (lihat perenggan 30).

(3) Keterangan perayu ialah keterangan penafian. Selain menafikan pernah pergi ke pusat snuker tersebut, perayu tidak menyatakan di mana dia berada pada hari dan masa kejadian. Keterangan SD2 juga bukan keterangan menyokong alibi. Sebaliknya keterangan SD2 menyokong kes pendakwaan. Mengambil kira keterangan SD2, tidak ada apa-apa salah laksana keadilan dalam kegagalan mengemukakan notis alibi. Selanjutnya, dengan dapatan hakim bicara bahawa perayu telah dikenal pasti secara positif oleh SP4, pembelaan alibi perayu (jika pun ada) akan gagal. Pembelaan alibi tidak boleh mengatasi pengecaman positif perayu oleh SP4. Demikian juga penafian perayu (lihat perenggan 39 & 41–42).

(4) Tiada kekhilafan atau salah arah oleh hakim bicara yang mewajarkan campur tangan dalam dapatannya bahawa perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Pihak pendakwaan telah membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu. Sabitan adalah selamat (lihat perenggan 43).

[English summary

The appellant was charged under s 300(d) of the Penal Code for murdering an employee of a snooker centre. The appellant had threatened the deceased but the latter refused to give the former money. This angered the appellant and he acted by grabbing a cue stick and threw it to the appellant's direction. The cue stick hit the deceased's left eye and pierce through his head. A customer of the snooker centre ('SP4') was the eyewitness who confirmed the said scene. Via an identification parade and in court, SP4 identified the appellant as the individual who went amok and threw the cue stick to the deceased. CCTV images showed at the court also supported SP4's testimony. However, the trial judge held that the prosecution failed to established the element of intention. His Lordship amended the charge to an offence under s 304(b) of the Penal Code culpable homicide not amounting to murder. The appellant pleaded guilt to the said offence and was sentenced to six months imprisonment. Dissatisfied, the prosecution filed this appeal. The court allowed the prosecution's appeal and the appellant was ordered to enter his defence before the same trial judge on the same original charge. The appellant denied causing the death of the deceased and stated that he was not at the crime scene on the said day. The appellant called his mother to testify ('SD2'). In chief examination, SD2 confirmed the appellant's testimony but during cross-examination, SD2's testimony contradicted with that of the appellant. The visible contradiction was when SD2 stated that the appellant liked to play snooker with his friends at the snooker centre and that the appellant kept a cue stick at the house. The trial judge held that the defence failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case. However, the trial judge successfully established the offence against the appellant beyond reasonable doubt. The appellant was convicted for the offence of murder and sentenced to death under s 302 of the Penal Code. Hence, this appeal against the conviction and sentence on the ground of misdirection by the trial judge at the end of the case; and misappreciation of the appellant's defence.

Held, dismissing the appellant's appeal; confirming conviction and sentence of High Court:

(1) The appellant was ordered to enter his defence for the original offence by this court. The legal principle is trite that when this court ordered a trial judge to enter his defence, the result is as if the trial judge himself who decided at the end of the prosecution's case to call the appellant to enter defence on the original charge. Any findings by the trial judge which lead to the amendment of the original charge to a charge under s 304(b) was no longer applicable as the finding could be dismissed or rebutted expressly or impliedly (see paras 27–28).

(2) There was no error by the trial judge in applying the approach that at the end of the prosecution's case, the defence's witnesses must be scrutinised

with the prosecution's prima facie case and that at the end of the defence's case, the appellant had a burden of proof to prove reasonable doubt against the prosecution's case. This approach was appropriate for the provision s 182A of the Criminal Procedure Code (see para 30).

(3) The appellant's defence was a mere denial. Aside from denying that he had been to the snooker centre, the appellant did not state where he was on the day and time of the crime. SD2's testimony was also not a corroborative alibi testimony. On the other hand, SD2's testimony supported the prosecution's case. Taking into account SD2's testimony, there was no failure of justice in failing to adduce the notice of alibi. Further, with the trial judge's finding that the appellant was positively identified by SP4, the appellant's defence of alibi (if there was) would fail. The defence of alibi could not supersede the plaintiff's positive identification of SP4. Same goes with the appellant's denial (see paras 39 & 41–42).

(4) There was no error or misdirection by the trial judge that warranted intervention in his finding that the appellant failed to raise reasonable doubt on the prosecution's case. The prosecution had proved their case against the appellant beyond reasonable doubt. The conviction was safe (see para 43).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 301–419.

Kes-kes yang dirujuk

Duis Akim & Ors v PP [2014] 1 MLJ 49, MP (dirujuk)
Mat v PP [1963] 29 MLJ 263 (dirujuk)
Mohd Azrin bin Che Meh lwn Pendakwa Raya 2012] 1 MLJ 450, MR (dirujuk)
Ouseng Sama-Ae v PP [2011] 4 MLJ 756; [2010] 6 CLJ 416, MR (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Sulaiman bin Saidin [2010] 3 MLJ 383, MR (dirujuk)
Shamim Reza bin Abdul Samad v PP [2011] 1 MLJ 471, MP (diikut)
Vasan Singh v PP [1988] 3 MLJ 412; [1989] 1 CLJ Rep 166, MA (dirujuk)
Wong Lai Fatt v PP [1973] 2 MLJ 31, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 84
Kanun Tatacara Jenayah ss 182A, 300(d), 302, 304(b)

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No 45B-39–06 Tahun 2014 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Amer Hamzah Arshad (Joshua Tay bersamanya) (AmerBON) bagi pihak perayu. Farah Ezlin bt Yusop Khan (Faizah bt Salleh bersamanya) (Timbalan Pendakwa

Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Tengku Maimun HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Perayu telah disabitkan dan dijatuhi hukuman mati oleh Mahkamah Tinggi atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu pada 16.8.2013 jam lebih kurang 1.20 pagi di No. 84-1 WHL Snooker Centre Jalan 1/76D Desa Pandan, di dalam daerah Cheras, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah membunuh Kawsar Ahmed No. Passport: B 1315298. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan.

[2] Tidak berpuas hati dengan sabitan dan hukuman tersebut, perayu merayu ke mahkamah ini. Kami telah sebulat suara menolak rayuan perayu. Berikut ialah alasan kami.

KES PENDAKWAAN

[3] Kes pendakwaan terhadap perayu adalah di bawah s 300(d) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan:

> Except in the cases hereinafter excepted, culpable homicide is murder —
>
> (d) if the person committing the act knows that it is so imminently dangerous that it must in all probability cause death, or such bodily injury as is likely to cause death, and commits such act without any excuse for incurring the risk of causing death, or such injury as aforesaid.

[4] Fakta kes secara ringkas adalah seperti berikut. Si mati, seorang warganegara Bangladeshi ialah pekerja di Pusat Snooker WHL ('pusat *snooker*'). Si mati bekerja sebagai juruwang.

[5] Pada 16 Ogos 2013 jam lebih kurang 1.20 pagi perayu telah datang ke pusat *snooker* tersebut untuk mendapatkan wang perlindungan dengan memeras ugut si mati.

[6] Si mati enggan memberikan wang kepada perayu. Perayu mengamuk dalam premis pusat *snooker* itu dengan mencabut pintu pili bomba dan melemparkan pintu ke arah si mati. Si mati berasa takut dengan perbuatan perayu dan tunduk ke arah bawah meja. Pada masa yang sama, perayu telah mengambil sebatang kayu *snooker* dan melemparkan kayu *snooker* ke arah si mati. Kayu *snooker* itu terkena bahagian mata kiri dan menembusi kepala si mati.

[7] Pelanggan pusat *snooker*, Ali Mah Fud bin Latip ('SP4') merupakan saksi mata yang mengesahkan kejadian di atas. Melalui kawad cam dan juga di mahkamah, SP4 mengecam perayu sebagai orang yang mengamuk dan melemparkan kayu *snooker* ke arah si mati. SP4 telah menolong si mati dengan mencabut kayu *snooker* daripada mata si mati sebelum pihak polis dan ambulan tiba untuk membawa si mati ke hospital. Si mati meninggal dunia di hospital dua jam kemudian.

[8] CCTV di pusat *snooker* itu dianalisis oleh Mohd Izuan Effenddy bin Yusof ('SP8'). Imej-imej CCTV (eksh P19) yang ditayangkan di mahkamah menyokong keterangan SP4 mengenai insiden mengamuk yang berakhir dengan kayu *snooker* dibaling ke arah si mati.

[9] Kayu *snooker* (eksh P8) dan putik-putik kapas (eksh P11A dan P12A) telah dihantar oleh pegawai penyiasat, ASP Khairil Azuad bin Abd Aziz ('SP9') ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.

[10] Pegawai Sains, Nor Alfarizan bt Mokharuddin ('SP7') mengesahkan eksh P8, P11A dan P12A mempunyai kesan darah si mati tetapi tiada profil DNA perayu pada barang-barang kes tersebut.

[11] Bedah siasat ke atas jasad si mati dijalankan oleh Dr Nurliza bt Abdullah ('SP5'). Di bahagian luaran, SP5 mendapati beberapa kecederaan, termasuk satu kesan luka tembusan atau tusukan berukuran 1.5 x 0.4 cm di sebelah atas mata kiri, berdekatan dengan tepi kening kiri mata. Luka tusukan itu, mengikut SP5, boleh dihasilkan oleh satu objek yang tirus serta meruncing seperti eksh P8.

[12] Seterusnya, pemeriksaan dalaman oleh SP5 menunjukkan luka tusukan pada bahagian mata kiri telah menembusi masuk melalui bahagian tulang soket mata sebelah kiri dan menembusi bahagian dasar atau bawah otak hadapan sebelah kiri. SP5 merumuskan sebab kematian ialah akibat kesan luka tusukan kepada bahagian otak atau *fatal penetrating injury to the brain.* SP5 juga menyatakan bahawa dengan kecederaan yang dialami oleh si mati, peluang untuk hidup adalah kecil.

DAPATAN HAKIM BICARA DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[13] Dalam menimbangkan sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu bagi kesalahan membunuh di bawah s 302, hakim bicara yang bijaksana telah mengambil kira *credibility* SP4 dan keterangan CCTV. Setelah melihat rakaman CCTV dan menilai keterangan SP4, hakim bicara menerima keterangan SP4 yang telah membuat pengecaman positif ke atas perayu sebagai lelaki yang membaling

kayu *snooker* dan yang mendatangkan kecederaan kepada si mati sehingga membawa kepada kematiannya.

[14] Walau bagaimanapun, hakim bicara memutuskan bahawa pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen niat. Pertuduhan telah dipinda oleh hakim bicara kepada suatu kesalahan di bawah s 304(b) Kanun Keseksaan iaitu homisid salah yang tidak terjumlah kepada satu kesalahan membunuh, atas alasan berikut:

> [28] Saya berpandangan bahawa pada kebiasaannya kayu snuker dengan sendirinya, bukanlah satu senjata maut (*lethal weapon*). Tetapi bergantung kepada cara ianya digunakan dan ke arah bahagian mana badan, terutama jika ditujukan ke arah *vital organ*, kayu snuker boleh menjadi objek atau senjata yang membawa maut seperti yang berlaku dalam kes sekarang. Oleh itu keterangan pakar SP5 menjadi penting kepada mahkamah ini dalam menentukan elemen niat tertuduh. Antara keterangan matan SP5 adalah bahawa kayu snuker itu telah terkena di bahagian soket mata kiri si mati. Bahagian soket mata adalah bahagian yang mudah pecah dan tusukan kayu snuker itu menuju kearah bawah pangkal otak yang tidak dilindungi oleh tulang tengkorak. Pendarahan dari pangkal otak telah meliputi selaput otak dan ini yang menjadi punca kepada kematian si mati. Sekali lagi, malangnya, SP5 tidak disoal sama ada sekiranya kayu snuker itu terkena pada lain-lain bahagian badan seperti dada dan perut si mati yang mana kayu snuker itu diarahkan oleh tertuduh, adakah ianya *fatal.* Bolehkah tertuduh dalam keadaan ini dipersalahkan atas tuduhan dengan niat untuk membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dapat menjangkakan si mati akan menundukkan kepalanya serta menjangkakan bahawa kayu snuker itu akan betul-betul tepat mengenai soket mata si mati. Ini telah menimbulkan keraguan di fikiran mahkamah ini mengenai ketepatan kenyataan tersebut. Sekiranya kematian si mati merupakan satu insiden yang berlaku secara kebetulan (*coincidence*) dan tidak dijangkakan berlaku dalam keadaan yang biasa, maka wujud keraguan yang munasabah yang timbul semasa kes pendakwaan lagi. Oleh itu, munafaat keraguan hendaklah dengan sewajarnya diberikan kepada tertuduh. Saya berpendapat dan berpuashati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan elemen terakhir pertuduhan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan di dalam kes ini.

[15] Atas pertuduhan pindaan, perayu mengaku bersalah dan dijatuhi hukuman penjara selama enam tahun berkuat kuasa daripada tarikh tangkap.

[16] Pendakwa raya yang tidak berpuas hati dengan keputusan hakim bicara meminda pertuduhan, telah memfailkan rayuan ke mahkamah ini. Mahkamah ini telah membenarkan rayuan pendakwa raya dan perayu diperintahkan membela diri di hadapan hakim bicara yang sama atas pertuduhan asal.

KES PEMBELAAN

[17] Inti pati pembelaan perayu melalui keterangannya yang diberikan secara bersumpah ialah penafian. Perayu menafikan bahawa dia yang

menyebabkan kematian si mati. Perayu menyatakan dia tidak berada di tempat kejadian pada 16 Ogos 2013. Malahan menurut perayu, dia tidak pernah pergi ke pusat *snooker* tersebut dan tidak pernah keluar pada waktu malam. Perayu menyatakan dia bekerja sebagai kelindan lori dan buruh kasar dan selalu pulang ke rumah lebih kurang jam 9.10 malam, paling lewat 10 malam. Perayu juga menafikan imej di dalam CCTV ialah imejnya dan menyatakan dia tidak mempunyai baju lengan panjang dan tali pinggang warna putih yang kelihatan dipakai oleh orang dalam rakaman CCTV. Perayu seterusnya menafikan pernah melihat SP4 dan menafikan bahawa dia telah melarikan diri dan bersembunyi selepas kejadian.

[18] Perayu mengemukakan ibunya, Jesuah bt Sikon sebagai saksi pembelaan ('SD2'). Dalam pemeriksaan utama, SD2 hanya mengesahkan keterangan perayu, manakala apabila disoal-balas, keterangan SD2 bercanggah dengan keterangan perayu. Percanggahan ketara adalah apabila SD2 menyatakan bahawa perayu suka bermain *snooker* dengan kawan-kawannya di Pusat Snooker WHL yang berdekatan dengan tempat kediaman mereka dan perayu juga ada menyimpan kayu *snooker* di rumah.

DAPATAN DI AKHIR KES

[19] Setelah meneliti keterangan perayu dan SD2 bersama kes pendakwaan, hakim bicara memutuskan bahawa pembelaan perayu adalah berbentuk penafian semata dan tidak berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Pihak pendakwaan pula telah berjaya membuktikan pertuduhan terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah. Perayu dengan itu telah disabitkan dengan pertuduhan membunuh dan dijatuhi hukuman mati di bawah s 302 Kanun Keseksaan.

RAYUAN

[20] Di hadapan kami, rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman disandarkan kepada dua alasan atau isu berikut:

(a) salah arah oleh hakim bicara di akhir kes; dan

(b) penilaian yang salah terhadap pembelaan perayu.

[21] Sebelum peguam bela bijaksana berhujah, mahkamah ini telah dimaklumkan oleh peguam bela bahawa atas arahan ahli keluarga perayu, beliau telah menulis kepada Hospital Kuala Lumpur bertanyakan sama ada terdapat rekod mengenai rawatan kesihatan mental perayu, namun tidak mendapat sebarang jawapan. Kami mengambil maklum perkara tersebut. Bagaimanapun, oleh sebab pembelaan perayu bukanlah pembelaan tak sempurna akal (*unsound mind*) di bawah s 84 Kanun Keseksaan dan kes kini di

peringkat rayuan (sedangkan pembelaan harus dibentangkan di peringkat perbicaraan), kami tidak mendapati sebarang keperluan untuk mendapat pengesahan mengenai kesihatan mental perayu daripada pihak Hospital Kuala Lumpur.

[22] Berbalik kepada alasan rayuan yang pertama, hujah peguam bela adalah bahawa hakim bicara yang bijaksana telah membuat keputusan yang betul di peringkat kes pendakwaan apabila meminda pertuduhan kepada suatu kesalahan di bawah s 304(b) setelah mengambil kira kayu *snooker* sebagai sejenis senjata, cara dan kekuatan yang digunakan, kedudukan si mati dan perayu dan jangkaan kecederaan yang boleh diakibatkan oleh keadaan-keadaan di atas.

[23] Salah arah oleh hakim bicara yang dihujahkan oleh peguam bela adalah bahawa di akhir kes, hakim bicara tidak sepatutnya bergantung kepada keputusan mahkamah ini yang memerintahkan perayu membela diri tetapi hakim bicara sepatutnya mengambil pendekatan selaras dengan prinsip dalam kes *Mat v Public Prosecutor* [1963] 29 MLJ 263. Walaupun hakim bicara tidak mempercayai keterangan atau penjelasan perayu, hakim bicara hendaklah mempertimbangkan sama ada penjelasan itu menimbulkan suatu keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Dihujahkan seterusnya bahawa jika hakim bicara mengambil pendekatan di atas, hakim bicara akan mencapai keputusan yang berbeza.

[24] Bagi alasan kedua pula, peguam bela merujuk kepada dapatan hakim bicara bahawa perayu menafikan berada di tempat kejadian dan menafikan telah menyebabkan kematian si mati, tetapi perayu gagal untuk mengemukakan sebarang notis alibi pada bila-bila masa kepada pihak pendakwaan dan mahkamah. Merujuk kes-kes *Wong Lai Fatt v Public Prosecutor* [1973] 2 MLJ 31 dan *Shamim Reza bin Abdul Samad v Public Prosecutor* [2011] 1 MLJ 471, peguam bela berhujah bahawa kegagalan peguam bela yang mewakili perayu di peringkat perbicaraan (peguam terdahulu) untuk memasukkan notis alibi telah mengakibatkan perayu dinafikan perbicaraan yang adil.

DAPATAN KAMI

Sama ada terdapat salah arah oleh hakim bicara

[25] Isu pertama berkait dengan dapatan hakim bicara bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes di bawah s 302 melampaui keraguan yang munasabah. Dapatan ini dibuat selepas mendengar kes pembelaan seperti diperintahkan oleh mahkamah ini.

[26] Dihujahkan oleh peguam bela bahawa hakim bicara tersalah arah kerana bergantung kepada keputusan mahkamah ini memanggil perayu membela diri tanpa mematuhi prinsip atau garis panduan di dalam kes *Mat v Public Prosecutor*.

[27] Dalam kes ini, perayu telah diarahkan memasukkan pembelaan bagi pertuduhan asal oleh mahkamah ini. Prinsip undang-undang adalah mantap bahawa apabila mahkamah ini memerintahkan hakim bicara untuk memanggil perayu membela diri, kesannya adalah seolah-olah hakim bicara sendiri yang memutuskan di akhir kes pendakwaan untuk memanggil perayu membela diri atas pertuduhan asal. Apa-apa dapatan hakim bicara yang membawa kepada pertuduhan asal dipinda kepada pertuduhan di bawah s 304(b) tidak lagi terpakai kerana dapatan itu telah ditolak atau disanggah secara nyata atau tersirat oleh mahkamah ini.

[28] Dalam keadaan itu, tiada sebarang salah arah oleh hakim bicara apabila menyatakan (rekod rayuan Jld 1: ms 32):

> [13] Apa yang saya fahami dengan perintah Mahkamah Rayuan tersebut adalah bahawa wujud kes *prima facie* terhadap tertuduh atas pertuduhan asal di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan bahawa elemen niat seperti dihuraikan di bawah kecualian (d) seksyen 300 telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[29] Dapatan di atas adalah selaras dengan prinsip yang digariskan dalam kes-kes *Ouseng Sama-Ae v Public Prosecutor* [2011] 4 MLJ 756; [2010] 6 CLJ 416; *Pendakwa Raya lwn Sulaiman bin Saidin* [2010] 3 MLJ 383 dan *Mohd Azrin bin Che Meh lwn Pendakwa Raya* [2012] 1 MLJ 450.

[30] Kami juga tidak mendapati sebarang kekhilafan di pihak hakim bicara apabila mengambil pendekatan bahawa di akhir kes pembelaan, keterangan saksi-saksi pembelaan hendaklah diteliti bersama kes prima facie pihak pendakwaan dan bahawa di akhir kes pembelaan, perayu mempunyai *evidential burden* untuk membuktikan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Pendekatan ini sesuai dengan peruntukan s 182A Kanun Acara Jenayah.

[31] Hakim bicara juga telah mengingatkan dirinya bahawa beban masih terletak di bahu pihak pendakwaan untuk membuktikan pertuduhan terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah. Hakim bicara dengan jelas telah merujuk kepada *Mat v Public Prosecutor* dalam mempertimbangkan sama ada pembelaan perayu berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan (rekod rayuan Jld 1: ms 33).

[32] Sedemikian, kami mendapati tiada merit dalam isu pertama yang dibangkitkan oleh peguam bela bijaksana.

NOTIS ALIBI

[33] Isu kedua berkaitan dengan notis alibi yang gagal dimasukkan oleh perayu. Dalam konteks ini, peguam bela berhujah bahawa pembelaan perayu pada asasnya ialah pembelaan alibi. Peguam bela memohon agar kes dibicarakan semula untuk memberi peluang kepada perayu mendapat perbicaraan yang adil.

[34] Seperti diputuskan dalam kes *Shamim Reza*, hak untuk perbicaraan yang adil merupakan hak yang dijamin oleh Perlembagaan. Hak untuk diwakili oleh peguam yang cekap pula adalah sebahagian daripada hak untuk mendapat perbicaraan yang adil. Justeru, ketidakcekapan peguam dalam mengendalikan pembelaan dalam perbicaraan jenayah boleh menjadi asas untuk membatalkan sabitan jika syarat-syarat berikut dipenuhi iaitu:

(a) ketidakcekapan tersebut mestilah amat jelas dalam sesuatu kes; dan

(b) ketidakcekapan tersebut menafikan tertuduh perbicaraan yang adil dan mengakibatkan salah laksana keadilan.

[35] Kes *Shamim Reza* juga menggariskan prinsip bahawa apa-apa yang kurang daripada dua syarat di atas adalah tidak mencukupi untuk menjadi asas membatalkan sabitan. Seterusnya, yang perlu diambilkira adalah tindak-tanduk peguam secara keseluruhannya dan bukan pada kegagalannya dalam satu atau dua bahagian.

[36] Meneliti rekod rayuan, kami mendapati bahawa peguam terdahulu telahpun meletakkan asas pembelaan kepada saksi-saksi pendakwaan iaitu bahawa perayu bukanlah orang yang menyebabkan kematian si mati kerana perayu tidak berada di tempat kejadian (lihat rekod rayuan Jld 2: ms 16, 20, 42 dan 58).

[37] Menerima pakai prinsip-prinsip di dalam kes *Shamim Reza*, kami mendapati bahawa tiada ketidakcekapan yang jelas oleh peguam terdahulu dalam mewakili perayu. Ini kerana peguam terdahulu tidak gagal secara keseluruhannya dalam mengemukakan kes pembelaan.

[38] Berhubung notis alibi, kami merujuk kepada keputusan Mahkamah Agung dalam kes *Vasan Singh v Public Prosecutor* [1988] 3 MLJ 412; [1989] 1 CLJ Rep 166 di mana Harun Hashim SCJ menyatakan di ms 414 (MLJ); ms 168–169 (CLJ):

It is obvious, however, that an alibi defence will not be a simple statement of: 'I did not do it. I was not there. I was elsewhere'. That would be evidence of a bare denial. To establish his alibi, the accused must disclose where he was at the time of the alleged offence and what he was doing. He could be travelling at the time and the only evidence he has is a ticket or an endorsement on his passport or as here, he was in bed. That would be *evidence in support* of his alibi.

The primary purpose of an alibi notice is to alert the prosecution to the fact that an alibi might be relied upon so that they may have the opportunity *before the trial* of making such investigations as they think fit. It may well be that the alibi is in fact true in which event the prosecution will either withdraw the charge or offer no evidence in the case.

... a distinction should be drawn between a bare denial and an alibi defence. Evidence of a bare denial is in any case always admissible. In order to distinguish one from the other, the Court must know the nature of the evidence. As was said in *Ku Lip See v Public Prosecutor* at p 196:

> If a trial court *having considered the evidence* put forward by the defence, holds that such evidence amounts to evidence in support of an alibi for which no notice under s 402A Criminal Procedure Code has been given, then he has no discretion in the matter but to exclude such evidence. (Emphasis added.)
>
> It follows that, initially, the curt cannot prevent an accused person from giving evidence. Having heard the evidence, then the trial court must decide the nature of the evidence. If it is only evidence of a bare denial, the evidence stays. If it is evidence in support of an alibi and no notice under s 402A has been given, then he must exclude that part of the evidence from his consideration of the defence evidence.

[39] Melihat kepada keterangan perayu, kami mendapati bahawa keterangannya ialah keterangan penafian. Selain menafikan pernah pergi ke pusat *snooker* tersebut, perayu tidak menyatakan di mana dia berada pada 16 Ogos 2013 jam lebih kurang 1.20 pagi. Keterangan SD2 juga bukan keterangan menyokong alibi. Sebaliknya keterangan SD2 menyokong kes pendakwaan apabila SD2 memberi keterangan berikut dalam pemeriksaan balas (rekod rayuan Jld 2: ms 21):

Q:	Saya katakan pada hari itu 16.8.2013 sebelah pagi, Saleh ada di Pusat Snooker itu?
A:	Tahu.
Q:	Dia buat apa di situ?
A:	Main snooker di sana.

[40] Keterangan di atas disahkan oleh SD2 dalam pemeriksaan semula apabila SD2 menyatakan (rekod rayuan Jld 2: ms 21):

> Saleh beritahu saya dia pergi ke tempat snooker hari itu. Dia main snooker dengan kawan-kawan dia. Tak tahu nama kawan dia itu.

[41] Mengambil kira keterangan SD2 di atas, kami juga mendapati tidak ada sebarang salah laksana keadilan dalam kegagalan mengemukakan notis alibi.

[42] Selanjutnya, dengan dapatan hakim bicara bahawa perayu telah dikenal pasti secara positif oleh SP4, pembelaan alibi perayu (jika pun ada) akan gagal. Pembelaan alibi tidak boleh mengatasi pengecaman positif perayu oleh SP4. Demikian juga penafian perayu. Dalam kes *Duis Akim & Ors v Public Prosecutor* [2014] 1 MLJ 49, Richard Malanjum CJ (Sabah dan Sarawak) menyatakan di ms 72:

> [82] ... alibi could not prevail over the positive identification of an accused person especially so in the face of categorical statements coming from credible witnesses who had no ill motives in testifying.

[43] Kesimpulannya, kami tidak mendapati sebarang kekhilafan atau salah arah oleh hakim bicara yang mewajarkan kami campur tangan dalam dapatannya bahawa perayu gagal menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pendakwaan. Kami bersetuju dengan hakim bicara bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu. Kami berpendapat sabitan adalah selamat. Oleh itu, kami telah sebulat suara menolak rayuan perayu dan mengesahkan sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi.

Rayuan perayu ditolak; sabitan dan hukuman Mahkamah Tinggi disahkan.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad